

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

COURSE COMPONENT

- | | |
|---|--|
| — Farmakologi Dadah I | — <i>Pharmacology I</i> |
| — Farmakologi Dadah II | — <i>Pharmacology II</i> |
| — Isu-isu Penagihan dan Rawatan Dadah di Malaysia | — <i>Issue in Drug Addiction and Treatment in Malaysia</i> |
| — Kaunseling Peningkatan Motivasi Agama dan Pemulihan | — <i>Motivation Enhancement Counseling Psycho-spiritual Approach to Treatment and Rehabilitation</i> |
| — Modaliti Dwi-diagnosis dan Kaunseling Relapse | — <i>Dual Diagnosis Modality and Relapse Counseling</i> |
| — Pencegahan Relapse | — <i>Relapse Prevention</i> |
| — Pengurusan Perkhidmatan Penyalahgunaan Dadah | — <i>Management of Services in Drug Abuse</i> |
| — Internship 1 | — <i>Internship I</i> |
| — Internship 2 | — <i>Internship II</i> |
| — Internship 3 | — <i>Internship III</i> |

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

FACILITIES

- Makmal Kaunseling Kelompok
- Makmal Kaunseling Individu
- Studio Santaian
- Bilik Perundingan
- Makmal Komputer dengan capaian internet
- Dewan Serbaguna
- Dewan Kuliah
- Bilik Tutoran
- Bilik Mesyuarat
- Ruang Rehat Pelajar
- Sudut Bacaan
- Sokongan Teknologi

- *Group Counseling Laboratories*
- *Individual Counseling Laboratories*
- *Relaxation Studio*
- *Consultation Room*
- *Internet-Accessible Computer Lab*
- *Multi-Purpose Hall*
- *Lecture Halls*
- *Tutorial Rooms*
- *Meeting Room*
- *Student Lounge*
- *Reading Corner*
- *Technological Support*



Diploma Siswazah dalam Penyalahgunaan Dadah
Postgraduate Diploma in Drug Abuse

FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN
FACULTY OF LEADERSHIP AND MANAGEMENT

UNTUK MAKLUMAT LANJUT

FOR FURTHER DETAILS:

Ketua Program
Program Diploma Siswazah dalam Penyalahgunaan Dadah
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
Tingkat 13A, Menara B, Persiaran MPAJ
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah
55100 Kuala Lumpur

Tel: 03-4289 2465/2420/2430
Fax: 03-4289 2426
E-mail: halim@usim.edu.my @ pej.spada@usim.edu.my



Dekan
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan

Tel: 06-7986060/6061/6014
Fax: 06-7986059
Email: cgs@usim.edu.my

layari laman web
www.usim.edu.my
www.usim.edu.my/dspd

SPECIALITY PROGRAMME FOR ALCOHOL & DRUG ABUSE



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Spada Class of 2007



Spada Class of 2008



Spada Class of 2006



Spada Class of 2005



www.usim.edu.my/dspd



PENGENALAN

INTRODUCTION

Program Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA) merupakan program pengajian yang ditawarkan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mulai tahun 2005. Penawaran program ini merupakan sumbangan IPTA dalam melahirkan kumpulan pakar, perancang dan pemikir bagi membantu negara memerangi dadah sebagai musuh No. 1 Negara. Program SPADA di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM menawarkan latihan kepakaran dalam bidang penyalahgunaan dadah dengan menyediakan prasarana yang lengkap bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Program SPADA ini juga mempunyai hubungan keorganisasian yang mantap dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan agensi-agensi lain termasuk badan-badan NGO yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

SPADA juga menjalankan penyelidikan dan penerbitan serta berusaha untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam penyalahgunaan dadah dengan memberi penekanan kepada aspek agama sebagai bidang tujuan utama. Pada tahun 2005 Program Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah ini telah mula diperkenalkan di mana Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memberikan kerjasamanya dalam menaja calon-calon yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam yang ingin mengikuti program ini mengikut syarat-syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

Alcoholism and drug abuse are specialized problems that need to be addressed by personnel with specialized knowledge. Specifically, these problems call for experts trained in management, prevention, treatment, rehabilitation and aftercare of drug abuse programs.

In its quest to meet this need, USIM offers the Postgraduate Diploma Program in Drug Abuse which also known as SPADA with the aim of producing experts who will have a strong foundation and knowledge in management, prevention, treatment, rehabilitation and aftercare of drug abuse programs.

KUMPULAN SASARAN

TARGET GROUP

Kaunselor, Pegawai Psikologi, Kaunselor Sekolah, Guru Bimbingan dan Kaunseling, Guru Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa), Guru, Pegawai AADK, Pegawai Penjara, Pegawai Polis, Pegawai Tentera, Pekerja Sosial, Pegawai Pembangunan Sumber Manusia, Pegawai Kebajikan, Pegawai JAKIM, Pegawai Perubatan, Pegawai Belia Dan Sukan, Ahli Badan Bukan Kerajaan dan mereka yang terlibat dalam aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan, pemulihan, penjagaan lanjutan dan bidang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

The program is designed to enhance knowledge and skills among Counselors, Psychologist, School Counselors, Drug Prevention Educators, Teachers, AADK officers, Prison Officers, Police Officers, Army Officers, Social Workers, Human Resource Officers, Welfare Officers, JAKIM personnels, Health Officers, Sport and Youth Officers, NGO personnels and others involved in drug abuse management, prevention, treatment, rehabilitation, aftercare Services and other related activities.



OBJEKTIF PROGRAM

OBJECTIVE

Program ini bertujuan untuk melahirkan kumpulan pakar dalam bidang pencegahan, rawatan dan pemulihan, penjagaan lanjutan dan juga pengurusan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan

The program aims to produce experts in the areas of drug addiction prevention education, treatment and rehabilitation, aftercare, as well as management of related services.

Di akhir program, pelajar akan mempunyai kecekapan dari segi pengetahuan, kemahiran, dan sikap dalam :

At the end of the program, students will have gained knowledge, skills and competencies in:

— Membina program pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, penjagaan lanjutan dan pengurusan perkhidmatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dadah melalui pendekatan bersepadu, antara disiplin serta berasaskan penyelidikan;

Developing programs for prevention education, treatment and rehabilitation, aftercare and management of services related to drug abuse, using integrated, inter-disciplinary, research-based approaches;

— Melaksanakan program-program jangka pendek dan juga jangka panjang dalam pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, penjagaan lanjutan dan pengurusan perkhidmatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah;

Implementation of short-term and long-term programs for prevention education, treatment and rehabilitation, aftercare and management of services related to drug abuse;

— Proses-proses rawatan dan pemulihan dalam pelbagai peringkat dan persekitaran

Treatment and rehabilitation processes in various settings and environments; and

— Menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah menggunakan pendekatan bersepadu

Managing services related to drug addiction using integrated approaches.

TEMPOH PENGAJIAN

DURATION OF STUDY

Program ini ditawarkan selama 9 bulan secara sepenuh masa. Kursus dijalankan dalam tiga (3) penggal. Setiap penggal kuliah memakan masa 10 minggu. Pelajar akan mengikuti program Internship dalam setiap penggal.

The SPADA program is conducted on a full-time basis over a period of nine (9) months divided into three (3) terms. Each term lasts an average of ten (10) weeks, inclusive of courses and internship.

TEMPAT PENGAJIAN

CAMPUS

Program Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia,
Kampus Cawangan Pandan Indah
Tingkat 13A, Menara B, Persiaran MPAJ
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah
55100 Kuala Lumpur

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan

This program will be conducted at Islamic Science University of Malaysia Branch Campus at the following address:

*Post Graduate Diploma Program in Drug Abuse
Faculty of Leadership and Management
Islamic Science University of Malaysia
13A Floor, Menara B, Persiaran MPAJ,
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur*

*Main Campus:
Dean
Faculty Of Leadership And Management
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan*

SYARAT KEMASUKAN

ENTRY REQUIREMENTS

Mempunyai Ijazah Pertama dalam bidang Kaunseling/Bimbingan dan Kaunseling atau Ijazah Pertama dalam mana-mana bidang yang sesuai dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang berkaitan seperti Kaunselor di Pusat Pemulihan Dadah, Pegawai Kebajikan, Pegawai Penjara, Pegawai Kesihatan, Pegawai Antidadah dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan dengan pencegahan, rawatan & pemulihan dan penjagaan lanjutan.

Applicants must possess a Bachelor's Degree in Counseling or Guidance and Counseling. Applicants who hold a degree in any other related discipline may also apply, provided they have at least three (3) year's work experience in a relevant position such as Counselor in Drug Rehabilitation Centers, Social Worker, Prison Officer, Health Officer, Anti-Drug Agency Officer and personnel involved in drug Abuse prevention, treatment and rehabilitation and aftercare Services.

